

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @
TAMBAT [LUBOK ANTU]**

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [LUBOK ANTU] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan liputan telekomunikasi dan jalur lebar khususnya sekolah-sekolah pedalaman di Parlimen Lubok Antu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi untuk membolehkan rakyat menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.
2. Sehingga bulan Jun 2020, antara inisiatif-inisiatif penyediaan jalur lebar yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah penyediaan kemudahan jalur lebar talian tetap di kawasan pinggir bandar di mana 32 sambungan sedang dalam pelaksanaan di Parlimen Lubok Antu dan dijangka akan siap secara berperingkat pada penghujung tahun 2020.
3. Pihak Kerajaan juga turut melaksanakan inisiatif peluasan liputan jalur lebar mudah alih yang melibatkan pembinaan sebanyak 22 menara komunikasi yang telah siap dan beroperasi di Parlimen Lubok Antu.
4. Selain itu, sebanyak 29 alat pemancar komunikasi di menara komunikasi sedia ada telah dinaik taraf kepada perkhidmatan 3G dan 4G di Parlimen Lubok Antu.
5. Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar talian tetap, fasiliti di kawasan Lubok Antu akan dinaik taraf dari perkhidmatan rangkaian berasaskan tembaga kepada rangkaian gentian optik. Inisiatif yang akan dilaksanakan menerusi Telekom Malaysia Berhad (TM) ini dijangka akan siap secara berperingkat menjelang akhir tahun 2021. Jumlah ini dijangka akan diselaraskan dari semasa ke semasa disebabkan oleh faktor peralihan langganan pelanggan.
6. Berkaitan liputan komunikasi dan jalur lebar di sekolah-sekolah, pada masa ini terdapat pelbagai teknologi yang boleh digunakan untuk menyediakan capaian internet seperti melalui rangkaian gentian optik,

SOALAN NO : 30

perkhidmatan jalur lebar mudah alih ataupun teknologi satelit. Teknologi yang boleh digunakan adalah bergantung kepada ketersediaan infrastruktur di sekolah-sekolah berkenaan. Kebiasaannya di kawasan-kawasan pedalaman, perkhidmatan satelit sering digunakan berikutan ketiadaan capaian gentian optik mahupun perkhidmatan mudah alih.

7. Untuk penambahbaikan capaian internet di sekolah-sekolah yang berada di kawasan pedalaman, Kementerian akan bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak industri untuk menaik taraf infrastruktur komunikasi di kawasan sekolah-sekolah secara berperingkat untuk membolehkan perkhidmatan jalur lebar yang berkualiti dapat disediakan ke sekolah-sekolah.

8. Pada masa yang sama, SKMM juga sedang membuat perancangan dengan pihak industri untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara menggunakan pelbagai teknologi.